

Caj baru 1 Januari

KUALA LUMPUR: Caj satu peratus terhadap peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) akan dilaksanakan 1 Januari 2009 dan bukan 1 Jun lalu seperti yang dilaporkan.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Khaled Nordin, berkata penundaan tarikh penguatkuasaan berkenaan disebabkan beberapa faktor yang perlu dikemaskini dan diteliti PTPTN merangkumi proses dokumentasi.

“Walaupun kita menyatakan ia (caj) bermula 1 Jun

lalu, tetapi memandangkan ada beberapa perkara yang perlu diteliti dari segi dokumentasi, penerimaan dan sebagainya, maka pelaksanaan itu ialah pada 1 Januari depan,” katanya ketika majlis menandatangani perjanjian antara PTPTN dan Maybank sebagai ejen Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) di sini, semalam.

Ogos lalu akhbar melaporkan kerajaan mengumumkan pengurangan caj PTPTN kepada satu peratus bagi semua pelajar universiti berkuatkuasa Jun lalu.